



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**31 MEI 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **207 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,244 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Kunak dan satu (1) kes di Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 224 menjadikan jumlah kumulatif 59,746 orang. Seramai 1,482 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 472 orang di hospital, 1,008 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dua (2) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 71 orang dan 25 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort berubah dari zon jingga ke zon merah. Manakala Ranau bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 15 daerah
  - Zon Jingga dua (2) daerah
  - Zon Kuning lima (5) daerah
  - Zon Hijau lima (5) daerah

## Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 17 kes iaitu daripada 190 kes kelmarin (30 Mei 2021) kepada 207 kes (31 Mei 2021).
- ii Daripada 207 kes jangkitan baharu hari ini, 117 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 40 kes adalah daripada saringan kluster, 33 kes adalah daripada saringan bergejala, sembilan (9) kes daripada saringan bersasar dan lapan (8) kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii Terdapat 11 daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan sembilan (9) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala dua (2) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Sandakan 36 kes (+27) dan Kota Kinabalu 22 kes (+14). Dua (2) daerah lain yang mencatatkan kes baharu pada hari ini iaitu Penampang (17 kes) dan Kota Marudu satu (1) kes kekal sebagaimana jumlah kes kelmarin.
- iv Walau bagaimanapun, lapan (8) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Enam (6) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala dua (2) daerah lain menunjukkan penurunan ketara pada julat dua (2) angka iaitu Papar (-22 kes) dan Kunak (-12 kes).
- v Pada hari ini, tujuh (7) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Pitas, Tongod, Nabawan, Kuala Penyu dan Tambunan.
- vi Trend jangkitan yang berlaku di Negeri Sabah kekal dengan pola tidak statik namun, empat (4) daerah yang mencatatkan sifar (0) kes sebelumnya, kini mencatat kes baharu iaitu Sipitang lima (5) kes, Keningau tiga (3) kes, Ranau satu (1) kes dan Tenom satu (1) kes, menunjukkan berlakunya aktiviti ketidakpatuhan kepada SOP yang telah digariskan.
- vii Keberkesanan penurunan kes dalam membendung penularan pandemik COVID-19 ini sangat bergantung kepada sejauh mana kesungguhan komuniti dalam pematuhan SOP kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6

**Satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.**

**Kluster Milenium di Tawau** adalah ekoran aktiviti kunjung-mengunjung sempena sambutan Syawal. Kluster ini mula direkodkan di Klinik Kesihatan Tawau hasil saringan bergejala terhadap kes indeks yang merupakan lelaki, 43, guru di SMK Kinabutan 2 pada 23 Mei 2021. Selang dua hari kemudian, seramai 16 ahli keluarga kes indeks pula didapati positif COVID-19. Dalam pada itu, saringan kontak sosial dan tempat kerja iaitu di Agro Bank juga mengesan sembilan (9) lagi kes positif, termasuk tiga (3) kontak rapat kepada salah satu kes positif di bank komersial terbabit. Turut direkodkan lima (5) kes positif baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 31 kes. Pengesahan kontak sedang giat dijalankan dan punca sebenar jangkitan masih dalam siasatan.

7

Jumlah kapasiti katil 3,740 unit

- Hospital 605 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,715 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 39.63%

**B ARAHAN TUGASAN SEMUA KETUA KAMPUNG DI SELURUH NEGERI SABAH  
MEMANTAU DAN MENGAWAL PENULARAN COVID-19 DALAM KAWASAN  
PENTADBIRAN KAMPUNG**

- 1 Demi membendung penularan penyakit COVID -19 di negeri Sabah, maka Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan telah menganjurkan semua Ketua Kampung untuk **MEMBUAT PEMANTAUAN** dalam kawasan pentadbiran kampung masing-masing selaras dengan kuasa yang diberikan kepada Ketua Kampung di bawah Ordinan Pentadbiran Luar Bandar [Sabah Bab 132] (OPLB).
- 2 Semua Ketua Kampung **HENDAKLAH** menjalankan kewajipan dan tugas-tugas di dalam pentadbiran kampung seperti yang berikut:
  - i Memaklumkan kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu/ Presiden Majlis Perbandaran Tawau/ Presiden Majlis Perbandaran Sandakan/ Pegawai Daerah/ Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah Kecil dengan serta merta jika berlaku perkara-perkara yang berikut:
    - Penularan wabak penyakit COVID-19 di dalam kampung.
    - Berlaku kematian.
    - Jika ada penduduk kampung atau orang yang berada dalam kampung melakukan atau cuba melakukan atau dengan niat melakukan kesalahan yang melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara yang menjadi kesalahan di bawah Akta 342.
  - ii Mengambil langkah mengawal pergerakan kemasukan orang luar ke dalam kawasan kampung. Semua maklumat orang luar yang masuk dan keluar dari kampung hendaklah direkodkan.
- 3 Kerjasama dan tanggungjawab semua Ketua Kampung amat diperlukan demi untuk membantu Kerajaan dalam mengawal penularan penyakit COVID-19 ini yang semakin serius.

**C TAMBAHAN SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PÈRGERAKAN (PKP) SABAH 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021**

- 1 Sektor perkilangan perabot. Waktu operasi 7.00 pagi hingga 7.00 malam dengan kapasiti pekerja 60%.
- 2 Aktiviti Explorasi Mineral dengan bilangan tidak melebihi enam (6) orang bagi satu (1) kumpulan explorasi.

**D KEBENARAN OPERASI MEDIA MASSA DI SABAH**

- 1 Memastikan maklumat tepat dan sahih serta usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan sampai kepada masyarakat, Kerajaan Negeri memberi kebenaran kepada semua agensi media beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP 3.0.
- 2 Kerajaan Negeri juga memberi kebenaran kepada agensi-agensi media cetak di Sabah untuk menjalankan operasi percetakan seperti biasa.
- 3 Namun begitu, masa operasi bagi liputan media cetak dan media dalam talian ditetapkan bermula jam 7.00 pagi hingga jam 7.00 malam.
- 4 Bagi media penyiaran pula, kerja-kerja memproses bahan siaran dibenarkan beroperasi sehingga jam 3.00 pagi sahaja.
- 5 Sebarang permohonan untuk masa tambahan operasi boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah COVID-19.

**E SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN**

Sektor perniagaan yang dibenarkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP3.0) bagi Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**F SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN**

Operasi sektor pertanian & industri makanan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP3.0) bagi Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**G SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM PKP**

SOP rumah ibadat bukan Islam di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti d **LAMPIRAN C**.

**H SOP SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN**

SOP yang diwajibkan untuk semua sektor perkilangan dan pembuatan bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti d **LAMPIRAN D**.

**I SOP KEGIATAN PERNIAGAAN INDUSTRI PELANCONGAN**

SOP kegiatan perniagaan industri pelancongan bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti d **LAMPIRAN E**.

**J SOP PKPD DI FELDA SAHABAT 40 (KG. KEMBARA SAKTI), MUKIM TUNGKU, LAHAD DATU**

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Sahabat 40 (Kg Kembara Sakti), Mukim Tungku, Lahad Datu adalah seperti di **LAMPIRAN F**.

**K SOP PKPD DI KG. SUNGAI LANGGAS, KUNAK**

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Sungai Langgas, Kunak adalah seperti di **LAMPIRAN G**.

**L SOP PKPD DI KG PADAWAN, PAPAR**

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Padawan, Papar adalah seperti di **LAMPIRAN H**.

**M SOP PKPD DI TIGA (3) LOKALITI DI DAERAH TAWAU**

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti di daerah Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN I**.

**N SOP PKPD DI LORONG 2 KG KONGSI 8, TAWAU**

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong 2 Kg Kongsi 8, Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN J**.

**O PKPD KAMPUNG KUALA MENGGATAL, KOTA KINABALU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Kuala Menggatal, Kota Kinabalu.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 102 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 10 kes positif telah direkodkan dengan kadar positiviti adalah 9.80%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Kuala Menggatal, Kota Kinabalu berkuat kuasa 02 Jun sehingga 15 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan**.
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan semua penduduk di lokaliti ini yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan tersebut dan tidak menjangkiti komuniti di luar serta memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes-kes disyaki COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan melakukan saringan bagi kontak rapat.

**P PKPD JALAN KLIAS 2 DAN JALAN KLIAS 3, KAMPUNG KLIAS BARU, BEAUFORT**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga melaporkan situasi semasa peningkatan kes COVID-19 di Jalan Klias 2 dan Jalan Klias 3, Kampung Klias Baru, Beaufort.
- 2 Sehingga kini, 20 kes positif COVID-19 telah dikesan setelah KKM melakukan 280 ujian saringan ke atas penduduk di lokaliti tersebut.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Jalan Klias 2 dan Jalan Klias 3, Kampung Klias Baru, Beaufort, Sabah, berkuat kuasa 02 Jun sehingga 15 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bagi memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan saringan bagi kontak rapat seterusnya menyekat pergerakan & penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**Q STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **19** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,645** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **360** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,027** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,134** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **73,931** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **554** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **27,059** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **5,485** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **553,828** (mysejahtera 490,147 : laman web 63,470 : talian vaksinasi 211) bersamaan 18.9%.

- R BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**
- Setakat hari ini, sejumlah **326,461** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.
- S LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***
- 1 Sejumlah 74 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 28,371 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 193 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 79 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 15 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
  - 18 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
  - Lima (5) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
  - 28 orang : Tiada penjarakan sosial
  - Dua (2) orang : Membawa penumpang berlebihan.
  - 11 orang : Lain-lain kesalahan.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan Pelanggaran SOP COVID-19
- 3 orang : Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis di Kapayan Ridge, Kota Kinabalu.
- 4 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 126 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 330 lokasi melibatkan seramai 169 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 77 anggota di 65 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Kota Kinabalu dan Kudat.
- 8 Sejumlah 31 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.

**T KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kinabatangan	98%
5	Keningau	98%
6	Kunak	98%
7	Kudat	97.5%
8	Tawau	97.5%
9	Ranau	97.5%
10	Sipitang	97.5%
11	Tuaran	97.5%
12	Beaufort	97%
13	Sandakan	97%
14	Kota Belud	97%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Papar	97%
17	Lahad Datu	97%
18	Semporna	96.5%
19	Penampang	96.5%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

## LAMPIRAN A



### SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Pasar Awam/ Pasar Harian  2. Pasar Borong	6.00 pagi hingga 3.00 petang  12.01 pagi hingga 6.00 pagi  Kapasiti Pekerja : 60%	Saringan Kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua pekerja dan pembekal diambil suhu badan dan disaring untuk gejala setiap hari;</li> <li>2. Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5°celcius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak,batuk, selsema dan susah bernafas tidak dibenarkan bertugas; dan</li> <li>3. Pekerja dan pembekal diwajibkan memakai topeng muka atau <i>face mask</i>.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pasar minggu;</li> <li>- Pasar tani;</li> <li>- Pasar tamu; dan</li> <li>- Pasar malam</li> </ul>
		Penjarakan Fizikal	Memastikan jarak fizikal 1 meter antara setiap pelanggan semasa pembelian	
		Amalan Cuci Tangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan fasiliti mencuci tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i>; dan</li> <li>2. Mewajibkan pekerja kerap membersihkan tangan selepas membuat satu tugas kerja.</li> </ol>	
		Pembersihan dan Nyah Kuman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang; dan</li> <li>2. Menggunakan cecair pencuci untuk melakukan nyah kuman mengikut garis panduan KKM terutamanya tempat yang kerap disentuh.</li> </ol>	



## SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Pasar Awam / Pasar Harian	6.00 pagi hingga 3.00 petang	Saringan Kesihatan	Saringan kesihatan suhu badan, simptom dan riwayat kontak dengan pesakit COVID 19 atau kehadiran ke perhimpunan kepada semua pekerja warga tempatan dan asing yang memegang permit kerja (Pasar Borong).	Pasar minggu; Pasar tani; Pasar tamu; dan Pasar malam
		Membekalkan <i>Face Mask</i>	Membekalkan <i>face mask</i> secukupnya kepada pekerja dan memastikan pekerja memakainya setiap masa.	
	12.01 pagi hingga 6.00 pagi  Kapasiti Pekerja : 60%	Aplikasi MySejahtera	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengusaha Operator Premis wajib memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat; dan</li><li>2. Pengusaha Operator Premis perlu memastikan pekerja, pembekal dan pelanggan merekod kehadiran secara manual atau menggunakan aplikasi MySejahtera.</li></ol>	
		Arahan Tetap	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari;</li><li>2. Disinfeksi bangunan setiap hari selepas operasii;</li><li>3. Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan dalam pasar pada satu satuh masa; dan</li><li>4. Keperluan mempamerkan Notis Peringatan kepada pelanggan tentang SOP yang ditetapkan.</li></ol>	



## SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Kompleks membeli-belah, pasarraya/pasar raya besar; departmental store (hanya makanan, keperluan harian, keperluan bayi dan kanak-kanak, perubatan, peralatan elektrik dan berkaitan perlindungan dengan COVID-19); 2. Farmasi/penjagaan diri; kedai serbaneka/mini mart; 3. Kedai dobi (termasuk layan diri); 4. Kedai cermin mata dan barang optik; 5. Kedai telefon; 6. Kedai elektrik dan elektronik; 7. Kedai buku & alat tulis; 8. Kedai makanan haiwan; 9. Kedai hardware; 10. Bengkel kenderaan dan penyelenggaraan serta alat ganti; 11. Pusat pengedaran dan jualan kereta; 12. Kedai Peralatan sembahyang dan pengebumian; 13. Pajak gadai/kredit komuniti (syarikat peminjam wang berlesen).	7.00 pagi hingga 7.00 malam  Kapasiti Pekerja : 60%	Kebersihan Premis	1. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan selepas operasi; dan 2. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan tumpuan umum seperti surau, tandas, stor, pejabat dan kaunter.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Pengurusan Pelanggan	1. Meng awal laluan keluar masuk pelanggan ke kompleks premis perniagaan; 2. Menghadkan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa. Bilangan pelanggan tertakluk kepada keluasan premis; 3. Melaksana Program Kesedaran Awam; dan 4. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis atau merekodkan kehadiran pelanggan secara manual.	
		Saringan Kesihatan	1. Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera dan saringan suhu badan; dan 2. Pengambilan suhu badan hanya sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks	
		Penggunaan Hand Sanitizer	<i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis.	
		Pemakaian Pelitup Muka atau Face Mask	Mewajibkan pemakaian <i>pelitup muka</i> atau <i>face mask</i> oleh pekerja dan pelanggan ketika berurusan.	



## SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Kompleks membeli-belah, pasaraya/ pasar raya besar; departmental store (hanya makanan, keperluan harian, keperluan bayi dan kanak-kanak, perubatan, peralatan elektrik dan berkaitan perlindungan dengan COVID-19); 2. Farmasi/peniagaan diri; 3. Kedai dobi (termasuk lavan diri). 4. Kedai cermin mata dan barang optik; 5. Kedai telefon; 6. Kedai elektrik dan elektronik; 7. Kedai buku & alat tulis; 8. Kedai makanan halal; 9. Kedai hardware; 10. Bengkel kenderaan dan penyelenggaraan serta alat ganti; 11. Pusat pengedaran dan jualan kereta; 12. Kedai Peralatan sembahyang dan pengebumian; 13. Pajak gadai/kredit komuniti (svariakat peminjam wang berlesen).	7.00 pagi hingga 7.00 malam  Kapasiti Pekerja : 60%	Pemantauan dan Pematuhan	1. Menyelaras dan memantau supaya semua peraturan dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan; dan 2. Meningkatkan kesedaran tentang kebersihan premis dan pekerja.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Penjarakan Fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter sepanjang masa.	
		Transaksi Tanpa Sentuhan	Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.	
		Arahan Tetap	1. Tertakluk kepada peraturan dan arahan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa; dan 2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan	



## SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Restoran (Termasuk Restoran Dalam Hotel), Cafe, Kedai Makan, Kenderaan Bersaji (Food Truck), Kiosk	7.00 pagi hingga 7.00 malam  Kapasiti Pekerja : 60%	Kebersihan Premis	Proses nyahkuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari semasa dalam tempoh perniagaan beroperasi.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Penggunaan <i>Hand Sanitizer</i>	<i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis.	
		Penjarakan Fizikal	<ol style="list-style-type: none"><li>Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan;</li><li>Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan;</li><li>Mematuhi penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis; dan</li><li>Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu satu masa. <u>Bilangan pelanggan adalah berdasarkan keluasan premis</u>.</li></ol>	
		Pemakaian Pelitup Muka atau <i>Face Mask</i>	Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai <i>face mask</i> semasa berada di dalam premis.	
		Mengambil Suhu Badan	Mengambil suhu badan pekerja dan pelanggan.	
		Transaksi tanpa sentuhan	Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.	
		Penggunaan Aplikasi MySejahtera	<ol style="list-style-type: none"><li>Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan</li><li>Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera.</li></ol>	



## SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Restoran (Termasuk Restoran Dalam Hotel), Cafe, Kedai Makan, Kenderaan Bersaji (Food Truck), Kiosk	7.00 pagi hingga 7.00 malam  Kapasiti Pekerja : 60%	Dine In	<ol style="list-style-type: none"><li>1. <i>Dine In</i> adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li><li>2. Semua proses pembelian adalah terhad untuk pembelian secara pandu lalu (jika berkenaan), <i>take away</i> atau secara penghantaran (<i>delivery</i>) sahaja.</li></ol>	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Tempahan Secara Atas Talian	Digalakkan membuat tempahan secara atas talian atau melalui panggilan telefon.	
		Transaksi Tanpa Sentuhan	Digalakkan membuat <u>pembayaran</u> secara elektronik.	
		Penggunaan Aplikasi MySejahtera	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan</li><li>2. Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera.</li></ol>	
		Arahan Tetap	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan; dan</li><li>2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan</li></ol>	



## SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Other Specialty Retail Stores : Stesen minyak	6.00 pagi hingga 8.00 malam  Kapasiti Pekerja : 60%	Kebersihan Premis	Proses nyah kuman di premis dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi dan pump nozzle dinyah kuman secara kerap.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Penggunaan <i>Hand Sanitizer</i>	<i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis.	
		Penjarakan Fizikal	<ol style="list-style-type: none"><li>Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan;</li><li>Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan;</li><li>Mematuhi penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis; dan</li><li>Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu satut masa. Bilangan pelanggan adalah berdasarkan keluasan premis.</li></ol>	
		Pemakaian Pelitup Muka atau <i>Face Mask</i>	Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai <i>face mask</i> semasa berada di dalam premis.	
		Mengambil Suhu Badan	Mengambil suhu badan pekerja dan pelanggan.	
		Transaksi Tanpa Sentuhan	Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.	
		Tindak Balas Keselamatan	Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID 19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes kes jangkitan COVID-19.	



## SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Other Specialty Retail Stores : <u>Stesen minyak</u>	6.00 pagi hingga 8.00 malam	Penggunaan <u>Aplikasi</u> <u>MySejahtera</u>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan</li><li>2. Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera.</li></ol>	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
	Kapasiti Pekerja : 60%	Arahan Tetap	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa; dsn</li><li>2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan.</li></ol>	

**LAMPIRAN B**



**SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN**

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI 1 Jun 2021 – 14 Jun 2021		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Perlادangan	Perlادangan getah, koko dan kelapa sawit  <b>Kapasiti Pekerja:</b> 60%	<b>Waktu Operasi</b> ----- 7.00 pagi – 7.00 petang	1. Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan  2. Saringan Kesihatan & Pemakaian Pelitup muka	<p>Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</p> <p>(i) <b>Pemeriksaan dan Pemantauan Kesihatan Sebelum Operasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Se semua pekerja adalah tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan sebelum memasuki kawasan operasi dengan menggunakan <i>non-contact thermometer</i> dan pemeriksaan bagi simptom-simptom COVID-19;</li> <li>Maklumat mengenai tahap kesihatan pekerja hendaklah direkodkan dan disimpan oleh pemilik ladang/pekebun kecil;</li> <li>Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan fizikal dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan pekerja yang lain;</li> <li>Pekerja dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka.</li> </ol>	Pertanian & Perlادangan ----- <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hari Bertemu Pelanggan</li> <li>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)</li> <li>▪ Pesta Makan Buah-Buahan</li> <li>▪ Kursus/Seminar</li> <li>▪ Konvokesyen Institut Pertanian</li> <li>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya</li> </ul>



## SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI <b>1 Jun 2021 – 14 Jun 2021</b>		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Perladangan (Samb.)	Perladangan getah, koko dan kelapa sawit	Waktu Operasi ----- 7.00 pagi – 7.00 petang	2. Saringan Kesihatan (Sambungan)	<p>e. Mana-mana pekerja yang telah dikenalpasti menunjukkan simptom-simptom COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera dan tindakan kuarantin perlu diambil. Justeru, pemilik ladang/pekebun kecil perlu menyediakan tempat kuarantin yang bersesuaian sekiranya kejadian ini berlaku.</p> <p><b>(ii) Tindakan Pencegahan Semasa Operasi</b></p> <p>a. Pengangkutan pekerja ke tempat operasi dalam kumpulan besar adalah tidak dibenarkan. Pemilik ladang/pekebun kecil perlu meminimumkan bilangan pekerja yang perlu melaksanakan operasi bagi mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja.</p> <p>b. Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan fizikal dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara seorang pekerja dengan pekerja lain sepanjang tempoh operasi.</p>	Pertanian & Perladangan <hr/> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hari Bertemu Pelanggan</li> <li>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)</li> <li>▪ Pesta Makan Buah-Buahan</li> <li>▪ Kursus/Seminar</li> <li>▪ Konvokesyen Institut Pertanian</li> <li>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya</li> </ul>



## SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI 1 Jun 2021 – 14 Jun 2021		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Perladangan (samb.)	Perladangan getah, koko dan kelapa sawit  Kapasiti Pekerja: 60%	Waktu Operasi ----- 7.00 pagi – 7.00 petang	2. Saringan Kesihatan (Sambungan)	<p>c. Pemilik ladang/pekebun kecil perlu melaksanakan proses disinfeksi secara berkala di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pekerja.</p> <p><b>iii. Pemeriksaan Kesihatan ke atas Pelawat/Pembekal</b></p> <p>a. Pelawat dan pembekal yang memasuki kawasan operasi perlu dihadkan dan mereka hanya dibenarkan memasuki kawasan operasi bagi tujuan yang perlu sahaja;</p> <p>b. Tahap kesihatan semua pelawat dan pembekal hendaklah diperiksa dengan menggunakan <i>non-contact thermometer</i> dan diperiksa bagi simptom-simptom COVID-19; dan</p> <p>c. Mana-mana pelawat dan pembekal yang telah dikenalpasti menunjukkan simptom-simptom COVID-19 tidak dibenarkan memasuki ke kawasan operasi</p>	Pertanian dan Perladangan <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hari Bertemu Pelanggan</li> <li>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)</li> <li>▪ Pesta Makan Buah-Buahan</li> <li>▪ Kursus/Seminar</li> <li>▪ Konvokesyen Institut Pertanian</li> <li>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya</li> </ul>



## SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI 1 Jun 2021 – 14 Jun 2021		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Perladangan (Samb.)	Perladangan getah, koko dan kelapa sawit  Kapasiti Pekerja: 60%	Waktu Operasi ----- 7.00 pagi – 7.00 petang	3. Laporan Kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan svarikat)	<p>a. Lapor kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom.</p> <p>b. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° Celsius ke atas atau menunjukkan sebarang symptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan;</p> <p>c. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis svarikat.</p>	Pertanian dan Perladangan ----- <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hari Bertemu Pelanggan</li> <li>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)</li> <li>▪ Pesta Makan Buah-Buahan</li> <li>▪ Kursus/Seminar</li> <li>▪ Konvokesyen Institut Pertanian</li> <li>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya</li> </ul>



## SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI 1 Jun 2021 – 14 Jun 2021		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Penternakan	Penternakan  Kapasiti Pekerja: 60%	<b>Waktu Operasi</b> <hr/> 7.00 pagi – 7.00 petang	Penjarakan Fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa pembelian dan menghadkan bilangan pelanggan bergantung kepada keluasan ruang	Pertanian dan Perladangan <hr/> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hari Bertemu Pelanggan</li> <li>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)</li> <li>▪ Pesta Makan Buah-Buahan</li> <li>▪ Kursus/Seminar</li> <li>▪ Konvokesyen Institut Pertanian</li> <li>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya</li> </ul>
			Penggunaan <i>hand sanitizer</i>	Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun	
			Pengambilan suhu badan dan pemakaian pelitup/ topeng muka	Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja dan mewajibkan pemakaian pelitup/topeng muka kepada pekerja.	
			Pembersihan dan sanitasi	Menggunakan cecair pencuci yang sesuai	
			Susun atur meja	Jarak antara meja 1 meter	
			Jarak antara pelanggan	Jarak antara pelanggan sekurang-kurangnya 1 meter	



## SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI 1 Jun 2021 – 14 Jun 2021		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Perikanan	Perikanan  Kapasiti Pekerja:  60%	<p>Waktu Operasi ----- 6.00 pagi – 8.00 petang</p> <p><b>Bot-Bot Nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Sabah dalam kawasan EssZone di jeti yang dibenarkan tertakluk permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis daerah berkenaan</b></p> <p>----- 6.00 pagi hingga 2.00 petang</p>	Penggunaan <i>hand sanitizer</i>	Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun.	<p>Perikanan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Aktiviti perikanan rekreatif</li> <li>▪ Pusat taman laut, pameran dan aquarium</li> <li>▪ Kapal Non-Conventional Ship (NCS) daripada Filipina dan Indonesia bagi aktiviti Barter Trade &amp; Transhipment</li> </ul>
			Pemeriksaan suhu badan dan pemakaian pelitup/topeng muka	Pemeriksaan dilaksanakan setiap hari terhadap nelayan, pekerja dan peraih dan mewajibkan pemakaian pelitup/ topeng muka kepada pekerja.	
			Pergerakan pekerja	Dari rumah ke ladang dan dari ladang untuk pengambilan makanan.	
			Sanitasi di ladang, hatcheri dan fasiliti berkaitan	Dilaksanakan setiap hari sebelum atau selepas aktiviti bermula.	
			Penjarakan Fizikal di ladang	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa operasi.	



## SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI 1 Jun 2021 – 14 Jun 2021		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS		
Pertanian/ Tanaman	Pertanian/ Tanaman	<b>Waktu Operasi</b> <hr/> 7.00 pagi – 7.00 petang	Penjarakan Fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa operasi.	Pertanian dan Perladangan <hr/> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hari Bertemu Pelanggan</li> <li>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)</li> <li>▪ Pesta Makan Buah-Buahan</li> <li>▪ Kursus/Seminar</li> <li>▪ Konvokesyen Institut Pertanian</li> <li>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya</li> </ul>	
			Sanitasi di ladang, nurseri dan fasiliti berkaitan	Dilaksanakan setiap hari sebelum atau selepas aktiviti bermula.		
	Kapasiti Pekerja:  60%		Suhu badan dan pemakaian pelitup/ topeng muka	Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja dan mewajibkan pemakaian pelitup/ topeng muka kepada pekerja.		
			Penggunaan <i>hand sanitizer</i>	Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun.		
			Pembersihan dan Sanitasi	Menggunakan cecair pencuci yang sesuai, setiap hari (sebelum atau selepas operasi) di ladang/Pusat Pengumpulan/Pusat Penggredan/Pusat Pemprosesan/Pusat Penjualan.		



## SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

SEKTOR	AKTIVITI/ PERNIAGAAN	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI 1 Jun 2021 – 14 Jun 2021		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
